



MAJLIS UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA PERDANA MENTERI

Majlis yang cukup bermakna ini telah berlangsung pada 30 Oktober 2003 di Dewan Keikhlasan KUKUM. Ia telah dihadiri oleh seramai lebih kurang 200 kakitangan KUKUM termasuk Pegawai-pegawai Utama dan Ketua-ketua Jabatan. Majlis ini diadakan bagi menyampaikan rasa terima kasih dan penghargaan warga KUKUM kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di atas jasa dan pengorbanan beliau selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri terutamanya dalam kemajuan akademik di negara ini. Yang Berbahagia Rektor sebagai wakil warga KUKUM telah membaca utusan penghargaan kepada YAB Perdana Menteri yang akan bersara pada hari tersebut.